

## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**SAYA YAKIN BAHAWA PADA PENGHUJUNG PERJALANAN PEMBANGUNAN YANG TELAH DILALUI SELAMA 10 TAHUN PADA 2020, KAMI AKAN BERADA PADA KEDUDUKAN YANG LEBIH KUKUH KE ARAH MEREALISASIKAN VISI UNTUK MENJADI PASARAN TERULUNG DI ASEAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN SALING BERHUBUNG DI PERINGKAT GLOBAL.**



**DATUK SERI TAJUDDIN ATAN**

Ketua Pegawai Eksekutif, **BURSA MALAYSIA BERHAD**

Pemegang Saham yang Dihormati,

Bursa Malaysia kini berada di peringkat akhir perjalanan pembangunan 10 tahun yang bermula pada tahun 2011 dengan pelan perniagaan untuk meneroka potensi besar pasaran melalui langkah-langkah strategik yang membawa kami lebih hampir untuk mencapai aspirasi menjadi sebuah pasaran maju. Saya yakin bahawa pada penghujung perjalanan pembangunan yang telah dilalui selama 10 tahun pada 2020, kami akan berada pada kedudukan yang lebih kukuh ke arah merealisasikan visi untuk menjadi pasaran terulung di ASEAN, bertanggungjawab dan saling berhubung di peringkat global, melalui misi untuk:

- I** Menyediakan akses mudah kepada pelbagai produk dan perkhidmatan yang memberi impak kepada peserta pasaran global.
- II** Membina organisasi berprestasi tinggi dengan budaya yang dipacukan data, didorong oleh inovasi dan teknologi, dan diperkasakan melalui perkongsian strategik.
- III** Memupuk pembangunan lestari dalam pasaran dengan menggalakkan pertumbuhan yang bertanggungjawab, di samping memudah carakan pengumpulan dana, nilai dan mewujudkan kekayaan untuk semua.

Selama bertahun-tahun, kami telah berusaha untuk mengukuhkan asas-asas pasaran teras, meningkatkan ekosistem dan berubah menjadi Organisasi Berprestasi Tinggi (HPO). Inisiatif-inisiatif kami telah meningkatkan kerancakan pasaran dan mewujudkan pangkalan pelabur yang lebih pelbagai, serta mengembangkan keupayaan kami dalam bidang-bidang khusus seperti Pasaran Modal Islam dan kelestarian. Di samping itu, kami telah memperluaskan saiz pasaran kami di ASEAN dan menjadikan pemikiran serantau sebagai bahagian utama dalam budaya korporat kami.

## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Bagi menekankan lagi tujuan dan maksud perkara tersebut dalam organisasi, kami telah melaksanakan program pengukuhan jenama pada tahun 2018 yang dengan jelas dan tepat menyatakan jenama Bursa Malaysia dan aspirasi yang telah ditetapkan untuk organisasi kami. Melalui program ini, warga kerja kami diingatkan tentang peranan yang mereka mainkan sebagai sebahagian daripada Bursa Malaysia serta komitmen kami terhadap pihak berkepentingan.

Satu slogan baharu telah dicipta untuk Bursa susulan program ini: "Mewujudkan Peluang, Meningkatkan Nilai" ("*Creating Opportunities, Growing Value*"). Slogan ini mengukuhkan intipati berkenaan siapa kami dan apa yang kami lakukan, dan komitmen kami untuk memimpin, mewujudkan peluang bagi peserta pasaran, serta berkembang dan mencapai nilai yang diinginkan. Ia juga merangkumi komitmen kami untuk memberi nilai kepada para pemegang saham kami dalam bentuk peningkatan modal dan dividen, dan janji kami terhadap pembangunan lestari untuk perniagaan, pasaran dan komuniti.

Bagi mencapai matlamat ini, kami membabitkan diri secara aktif bersama penggubal dasar dan pembuat keputusan Kerajaan Malaysia yang baharu dan bekerjasama dengan mereka untuk membangunkan pasaran modal kami. Pasaran modal selaku pemacu utama pertumbuhan ekonomi, memainkan peranan yang unik sebagai platform pengumpulan dana untuk syarikat-syarikat dan juga berfungsi untuk menarik pelaburan asing yang boleh disalurkan ke arah pembangunan. Oleh itu, demi kepentingan negara, kami melangkah ke hadapan bersama untuk mengemudi pembangunan pasaran modal ke arah yang sejajar dengan matlamat negara.

### MELAKSANAKAN STRATEGI KAMI

Inisiatif-inisiatif kami dipandu oleh strategi, yang merangkumi lima Bidang Tumpuan. Bidang Tumpuan ini mewakili pembangunan utama di mana inisiatif yang disasarkan akan membawa Bursa ke peringkat yang seterusnya. Lima Bidang Tumpuan tersebut ialah:



**DENGAN MENINGKATNYA DAYA TAHAN PASARAN PADA TAHUN 2018, KAMI BERJAYA MENCATATKAN PRESTASI YANG SAMA DENGAN REKOD PRESTASI TERBAIK SEBELUM INI YANG DICATATKAN PADA TAHUN 2017 MESKIPUN DALAM PERSEKITARAN OPERASI YANG LEBIH MENCABAR.**

### MEMPERKUKUH TERAS

Inisiatif-inisiatif di bawah Bidang Tumpuan ini memperkukuhkan teras dengan mewujudkan rangka kerja yang lebih berkesan dan memudahkan, dan juga dengan menyuntik lebih dinamisme serta kerancakan ke dalam pasaran modal. Ini seterusnya menggalakkan lebih banyak penyertaan pasaran, kecairan dan kedalaman pasaran, yang menjadikan pasaran lebih berdaya tahan terhadap perubahan dalam persekitaran operasi.

Kami telah menyaksikan bukti daya tahan pasaran yang lebih besar pada tahun 2018 di mana kami berjaya mencatatkan prestasi yang sama dengan rekod prestasi terbaik sebelum ini yang dicatatkan pada tahun 2017 meskipun dalam persekitaran operasi yang lebih mencabar. Ini dibuktikan lagi dengan status kami sebagai pasaran berprestasi kedua terbaik di Asia Pasifik berpandukan indeks tanda aras, dan prestasi FBMKLCI yang ditanda aras terhadap Indeks Pasaran Pesat Membangun MSCI dan Indeks Pesat Membangun FTSE (FBMKLCI: -5.9% berbanding MSCI EM: -16.6% berbanding Indeks Pesat Membangun FTSE: -15.5%).

Senarai lengkap inisiatif pengukuhan teras kami boleh didapati di bahagian lain di dalam laporan ini, akan tetapi terdapat satu inisiatif yang sangat bermakna kepada kami, iaitu Pasaran Platform Pemecut Usahawan Utama (LEAP) yang dilancarkan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada bulan Julai 2017. Pasaran LEAP merupakan pencapaian penting Bursa Malaysia bukan sahaja kerana ia merupakan yang pertama seumpamanya di ASEAN, tetapi kerana ia juga mengiktiraf dan memajukan komponen penting dalam ekonomi negara, iaitu PKS.



Sila rujuk muka surat 52 untuk perbincangan lengkap mengenai inisiatif yang dilaksanakan di bawah setiap segmen operasi.

**SEJAK PELANCARAN PASARAN LEAP PADA JULAI 2017, SEJUMLAH 13 SYARIKAT TELAH DISENARAIKAN DI PLATFORM TERSEBUT SEHINGGA AKHIR TAHUN 2018, YANG MENUNJUKKAN PERKEMBANGAN POSITIF BAGI PLATFORM BAHARU, DAN DIBUKTIKAN LAGI DENGAN PERMINTAAN DARIPADA PKS DAN PELABUR.**

Pasaran LEAP, yang merancakkan pembangunan PKS dengan menyediakan platform alternatif pengumpulan dana bagi mempercepatkan pertumbuhan, adalah unik kerana ia memenuhi komitmen kami untuk melengkapkan pasaran dan agenda negara dalam merangsang pertumbuhan PKS. Sejak pelancaran Pasaran LEAP pada Julai 2017, sejumlah 13 syarikat telah disenaraikan di platform tersebut sehingga akhir tahun 2018, yang menunjukkan perkembangan positif bagi platform baharu, dan dibuktikan lagi dengan permintaan daripada PKS dan pelabur.

Dalam pertemuan dengan pihak PKS ketika jerayawara kesedaran dan penggalakan Pasaran LEAP pada tahun 2018, kami dimaklumkan mengenai beberapa bidang Pasaran LEAP yang boleh dipertingkatkan lagi, yang mana akan dilaksanakan pada tahun 2019. Sementara itu, kami menjangkakan peningkatan minat terhadap Pasaran LEAP daripada penerbit dan pelabur yang berpotensi, dan kini sedang bekerjasama dengan, antara lain, Kementerian Pembangunan Usahawan untuk mempromosikan dan memasarkan lagi platform ini kepada penerbit PKS yang berpotensi.

**MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DAN MAKLUMAT**

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah menyaksikan teknologi berkembang dengan pantas yang memberi gangguan kepada model perniagaan, mengancam keselamatan maklumat dan mewujudkan tekanan persaingan tambahan terhadap syarikat. Pelaburan dalam teknologi menjadikan kami lebih arif mengenai perkembangan ini, dan memastikan Bursa Malaysia kekal berdaya saing, beroperasi pada kecekapan yang tertinggi dan dilindungi daripada akses tanpa kebenaran atau serangan siber.

Oleh kerana serangan siber dijangka akan meningkat di peringkat global, kami telah melabur dalam sumber yang besar untuk melindungi integriti infrastruktur digital kami. Di samping langkah-langkah keselamatan siber ini, kami juga telah memperkenalkan beberapa peningkat teknologi yang menjadikan pasaran lebih mudah diakses, cekap dan memudah cara kepada peserta pasaran kami. Antara ciri-ciri yang diperkenalkan pada tahun 2018 termasuk:

Meningkatkan dagangan Pasaran Sekuriti BTS2 pada November 2018, membolehkan peserta pasaran menambah baik pelaksanaan pesanan melalui permohonan strategi dagangan yang berbeza

Meningkatkan sistem Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) untuk membolehkan pemprosesan langsung pesanan daripada peserta pasaran bagi mengurangkan masa pemprosesan

Melaksanakan Sistem Pemantauan Pasaran (MSS) Baharu Bursa Malaysia pada 24 Disember 2018 untuk memudah carakan pemantauan, penyeliaan dan kawalan, serta analisis data pasaran

Memacu pelaburan dalam teknologi selanjutnya merupakan objektif kami untuk membina budaya dipacukan data di Bursa Malaysia. Dalam era *Big Data* ini, analisis yang cekap dan tepat adalah amat penting untuk membantu kami agar kekal bingkis dan bertindak balas secara strategik terhadap corak dan trend yang muncul.

**KETERHUBUNGAN SERANTAU DAN GLOBAL**

Inisiatif keterhubungan serantau dan global ini bertujuan untuk meletakkan kedudukan Bursa Malaysia sebagai peneraju pasaran ASEAN dengan keterhubungan global. Inisiatif-inisiatif tersebut berusaha untuk mewujudkan hubungan strategik dengan pasaran-pasaran utama di samping meningkatkan profil pasaran modal dan PLC dengan pelabur asing.

Kami secara agresif memasarkan dan mempromosikan platform komoditi Islam Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) dan platform sekuriti Islam Bursa Malaysia-*i* (BM-*i*) untuk meningkatkan kesedaran dan minat terhadap platform-platform ini. Untuk tujuan ini, kami telah mengadakan pembabitian bersama pelabur dan broker di negara-negara utama di ASEAN (Brunei, Thailand, Singapura, Indonesia), negara-negara Teluk Arab (Arab Saudi, Bahrain, Kuwait, Jordan, Palestin, Emiriah Arab Bersatu, Qatar) dan Afrika (Kenya, Tanzania, Mauritania), serta kuasa ekonomi utama termasuk China dan United Kingdom.

Sementara itu, program utama kami '*Invest Malaysia*' yang diadakan pada bulan Januari menarik lebih 2,000 perwakilan, termasuk lebih 1,000 pengurus dana tempatan dan serantau dari Taiwan, Thailand, Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, dan United Kingdom dengan aset bawah pengurusan berjumlah USD18.3 trilion. Turut diadakan di London dan Tokyo pada bulan Jun dan Julai, *Invest Malaysia* merupakan acara penting untuk mempromosi PLC Malaysia dan mempamerkan cadangan nilai unik yang ditawarkan oleh Bursa Malaysia kepada masyarakat dagangan global.

Menarik pelabur asing bukan hanya meningkatkan daya saing pasaran kami, malah ia juga menyumbang kepada agenda pertumbuhan negara dengan menarik pelaburan asing yang lebih tinggi ke dalam Malaysia.

**ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**MEMUPUK ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI**

Membina sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi (HPO) adalah penting dalam menyokong usaha kami untuk menjadi pasaran peneraju di ASEAN. Ketika pasaran kami semakin sofistikated dan menyediakan perkhidmatan kepada pangkalan pelabur yang lebih luas, keupayaan dan tenaga kerja yang berbeza akan diperlukan untuk menyokong aktiviti perniagaan dan memainkan peranan penting bagi memenuhi misi. Kami juga memerlukan penggantian pemimpin yang stabil dan berkeupayaan yang komited terhadap visi yang telah kami tetapkan bagi Bursa.

Sehubungan ini, kami telah mula membangunkan pangkalan tenaga kerja dengan kepakaran dan pengalaman luas yang diperlukan untuk menyokong aktiviti perniagaan kami ketika ini dan juga pada masa akan datang. Terdapat lima teras kepada program pembangunan tenaga kerja kami:

MEMBINA KEKUATAN BARISAN KEPIMPINAN	MEMBANGUNKAN KEUPAYAAN	MENINGKATKAN GANJARAN	MENINGKATKAN PRODUKTIVITI	PENGUBAHAN BUDAYA
<p>Kami memupuk dan mengumpulkan pemimpin yang berkeelayakan dan berkeupayaan yang bersedia untuk memikul peranan kepimpinan apabila diperlukan oleh Bursa. Ini menjamin penggantian pemimpin yang berkongsi visi yang sama dan mempunyai pengalaman yang diperlukan untuk mencapai matlamat strategik jangka panjang kami.</p>	<p>Peranan pewujudan nilai Bursa Malaysia akan berubah apabila kami berkembang menjadi pasaran maju. Meskipun beberapa fungsi teras kekal sama, kami sedar bahawa wujud keperluan terhadap kecekapan baharu apabila kami mengembangkan hubungan di peringkat global dan menggunakan inovasi teknologi baharu. Oleh itu, kami membangunkan keupayaan tenaga kerja kami untuk menyokong fungsi teras tersebut dan menjangkakan keperluan masa hadapan, terutamanya berkaitan dengan matlamat strategik untuk memanfaatkan teknologi baharu bagi meningkatkan prestasi dan mengembangkan keupayaan kami.</p>	<p>Bursa Malaysia beroperasi dalam ekonomi bersifat global di mana permintaan terhadap tenaga kerja melebihi penawarannya. Dengan perniagaan yang berhasrat untuk membina tenaga kerja yang berbakat, Bursa Malaysia meningkatkan sistem ganjaran untuk menarik tenaga kerja yang akan menyokong ke arah pencapaian matlamat perniagaan dan menyediakan gaji yang adil dan saksama kepada semua tenaga kerja di organisasi kami.</p>	<p>Kemajuan teknologi, terutamanya automasi, disertai oleh jangkauan pihak berkepentingan yang meningkat dan daya saingan dalam menghadapi globalisasi, telah banyak meningkatkan keperluan kepada produktiviti yang lebih baik. Bagi memperoleh penilaian yang lebih objektif mengenai kecekapan tenaga kerja kami serta keberkesanan peranan mereka, metriks garis dasar telah dibangunkan bagi memberi kebolehbandingan yang lebih besar ketika menilai prestasi kakitangan, dan mengenal pasti bidang tenaga kerja yang boleh dipertingkatkan.</p>	<p>Kami sedang memupuk transformasi ke arah minda dan budaya yang dipacukan data serta berprestasi tinggi, dari peringkat atasan kepimpinan hingga ke peringkat bawah organisasi. Dengan memanfaatkan data dan analisis untuk merealisasikan potensi kepintaran perniagaan sepenuhnya, kami akan berupaya untuk memperoleh kecekapan yang terpendam dan meningkatkan keupayaan kami untuk mengenal pasti cabaran, merebut peluang, membuat keputusan perniagaan strategik dan menerima perubahan.</p>

**PENERIMAAN KELESTARIAN SEBAGAI SATU CARA HIDUP**

Di Bursa Malaysia, kelestarian adalah bahagian penting perniagaan serta merupakan perkara utama untuk membina pasaran yang berdaya tahan. Di samping memastikan amalan kelestarian tersebut mematuhi amalan terbaik di peringkat global, kami telah menjadikan usaha memperjuangkan kelestarian ini sebagai salah satu misi strategik kami dan sebagai ciri penentu yang memperkukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju pasaran yang bertanggungjawab di rantau ini.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan pembangunan kelestarian dalam pasaran kami. Ini termasuk mewajibkan pelaporan kelestarian ke atas PLC kami

serta melancarkan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia - indeks yang terdiri daripada PLC dengan rekod tadbir urus korporat yang baik dan amalan lestari yang mantap. PLC kami telah memberi tindak balas positif terhadap seruan ini dengan meningkatkan amalan kelestarian mereka, yang membawa kepada peningkatan jumlah konstituen FTSE4Good kepada 56 syarikat pada 2018 daripada 24 ketika indeks ini pertama kali dilancarkan pada tahun 2014.

Menyokong usaha kami untuk meningkatkan kelestarian dalam pasaran ialah portal sesawang **BURSASUSTAIN** kami yang dilancarkan pada bulan April 2018. Dirangka untuk bertindak sebagai repositori sehati bagi semua perkara yang berkaitan dengan kelestarian dan tadbir urus korporat, **BURSASUSTAIN**, antara yang pertama dilancarkan oleh

sebuah bursa, menyediakan kepada PLC Malaysia maklumat yang mereka perlu untuk menjadikan penzahiran mereka menepati piawaian antarabangsa. **BURSASUSTAIN** adalah komitmen kami terhadap kelestarian dan merupakan inisiatif terkini kami yang berkaitan dengan kelestarian.

Sebagai bursa saham negara, Bursa Malaysia komited untuk memimpin melalui teladan dengan mengamalkan tahap tadbir urus korporat dan kelestarian yang tertinggi. Untuk tujuan ini, kami menggabungkan amalan antarabangsa yang terbaik dalam piawaian pelaporan, penilaian kesan material aktiviti, serta menggalakkan pemikiran yang bertumpukan kelestarian di antara warga kerja kami.


### TINJAUAN OPERASI

Bursa Malaysia mencatat prestasi yang memberangsangkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dalam persekitaran operasi yang mencabar yang disebabkan oleh peningkatan ketidakpastian pasaran dan perkembangan luaran yang mencabar. Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) meningkat sebanyak 0.4% kepada RM224.0 juta daripada RM223.0 juta yang dicatatkan setahun lalu, membuktikan daya tahan pasaran kami yang semakin meningkat dan keberkesanan inisiatif kami yang terdahulu.

Walaupun sentimen pelabur semakin lemah pada separuh kedua tahun berkenaan, kami menyaksikan aktiviti dagangan yang kukuh di Pasaran Sekuriti di mana pendapatan dagangan meningkat 2.4% kepada RM265.8 juta daripada RM259.6 juta pada tahun 2017. Dalam konteks ini, purata nilai harian dagangan (ADV) bagi Dagangan Di Pasaran (OMT) bagi Pasaran Sekuriti meningkat sebanyak 3.4% kepada RM2.4 bilion daripada RM2.3 bilion manakala pendapatan bukan dagangan turun sedikit sebanyak 0.1% kepada RM165.9 juta daripada RM166.1 juta. Data pendapatan pasaran meningkat sebanyak 4.9% kepada RM36.2 juta daripada RM34.5 juta, sebahagiannya mengimbangi kejatuhan dalam pendapatan bukan dagangan.

Sementara itu, Pasaran Derivatif terjejas terutamanya disebabkan oleh kelemahan harga minyak sawit mentah (CPO) dan pengukuhan Ringgit berbanding mata wang negara-negara pengimport. Akibatnya, Purata Kontrak Harian (ADC) menyusut sebanyak 2.1% daripada 57,677 kontrak setahun lalu menyebabkan penurunan pendapatan dagangan sebanyak 4.8% kepada RM76.7 juta daripada RM80.6 juta. Sejumlah 13.7 juta kontrak diniagakan pada 2018 berbanding 14.0 juta kontrak pada tahun 2017.

Dalam Pasaran Modal Islam, kami menyaksikan tanda-tanda pertumbuhan positif dengan kuantiti dagangan di platform Bursa Suq Al-Sila (BSAS) meningkat dengan ketara pada tahun berkenaan. ADV meningkat sebanyak 24.4% kepada RM24.3 bilion di platform komoditi Islam disebabkan oleh penyertaan yang lebih tinggi oleh peserta domestik dan asing. Pendapatan dagangan bagaimanapun menyusut sebanyak 5.6% kepada RM14.9 juta kerana lebih banyak dagangan dijalankan di bawah skim penetapan harga berasaskan kuantiti, yang mempunyai margin yang lebih rendah.



### MELANGKAH KE HADAPAN

Bursa Malaysia akan kekal berada pada landasan strategiknya pada tahun hadapan agar sejajar dengan agenda kami untuk membangunkan pasaran yang maju dan lestari. Keutamaan teratas kami bagi tahun 2019 adalah pembangunan warga kerja, strategi dan sistem data yang mantap dan diperkukuhkan bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal kami.

Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja akan memastikan kami berada pada landasan yang betul dalam agenda pembangunan kami, malah ia juga akan membantu kami menangani tekanan persaingan yang lebih besar daripada bursa-bursa lain, daripada pembangunan teknologi baharu seperti blok rantai dan kecerdasan buatan, serta daripada kemunculan platform bukan tradisional bagi pengumpulan dana masyarakat secara ekuiti dan pembiayaan antara rakan setara.

Perkembangan ini telah dijangka di mana kami telah bersedia menghadapinya dengan inisiatif untuk mengukuhkan ekosistem pasaran dan menggunakan inovasi teknologi kami sendiri. Kami akan terus memperkukuh kedudukan dengan membangunkan keupayaan khusus dalam pasaran modal Islam dan kelestarian, yang akan mewujudkan cadangan nilai yang akan membawa Bursa Malaysia ke peringkat seterusnya. Ciri-ciri pasaran kami akan menarik kelas-kelas pelabur baharu, terutamanya mereka yang mempunyai mandat pelaburan yang bertanggungjawab sosial (SRI), dan akan meletakkan pasaran setanding dengan peneraju kelestarian global yang lain.

Akhir sekali, perlu diingatkan bahawa 2018 merupakan tahun di mana kami beroperasi dalam persekitaran yang tidak menentu berikutan keadaan pasaran

dan sentimen pelabur berupaya berubah secara tiba-tiba dengan amaran yang sedikit. Kami tidak dapat meramalkan dengan ketepatan yang mutlak bila dan bagaimana pasaran akan bertindak balas, tetapi apa yang boleh dilakukan adalah dengan membangunkan pasaran bagi memastikan ia kekal bingkis, dan mempunyai kecairan yang mencukupi serta syarikat-syarikat berkualiti yang mampu berdepan dengan sebarang ketidakpastian. Tahun 2018 membuktikan bahawa strategi sedemikian berjaya, di mana lebih banyak lagi yang akan Bursa lakukan untuk meningkatkan daya tahan pasaran.

### PENGHARGAAN

Bagi pihak Pengurusan Bursa Malaysia, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak berkepentingan dan pengawal selia atas sokongan dan kerjasama mereka yang telah membantu pencapaian kami ke tahap ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para kakitangan atas usaha gigih dan komitmen mereka untuk mencapai matlamat dan misi kami. Akhir sekali, sekalung penghargaan kepada Lembaga Pengarah atas nasihat dan pandangan mereka.

Saya ingin menyimpulkan bahawa meskipun banyak pencapaian yang telah dikecapi sehingga kini, masih banyak lagi yang perlu dilaksanakan. Bukti-bukti menunjukkan bahawa pasaran kami adalah lebih berdaya tahan dari sebelum ini, dan kami berupaya membuktikan bahawa kami adalah pewujud nilai yang lestari dan sebuah PLC teladan yang boleh dicontohi oleh yang lain. Walaupun kami telah berjaya mengubah Bursa Malaysia menjadi pasaran terulung di ASEAN, bertanggungjawab dan saling berhubung di peringkat global, kami mesti sentiasa memastikan bahawa kerja-kerja yang telah kami laksanakan selama ini mencapai hasil yang diinginkan.

Sememangnya menjadi harapan saya agar Bursa Malaysia terus berkembang ke tahap yang lebih baik dalam tempoh kritikal dua tahun akan datang dan seterusnya.

**DATUK SERI TAJUDDIN ATAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif